

IKLAN KEKOSONGAN
JAWATAN KADER BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
DI KEMENTERIAN/ AGENSI LUAR DARI KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan ini mempelawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkeelayakan untuk mengisi kekosongan bagi jawatan kader di Maktab Tentera Diraja, Kementerian Pertahanan seperti berikut:

BIL.	LOKASI	OPSYEN	KEKOSONGAN	CATATAN
1.	Maktab Tentera Diraja, Kuala Lumpur	Bahasa Melayu DG9/10/12/13/14	1	Pengisian Ogos 2025
		Matematik Tambahan DG9/10/12/13/14	2	Pengisian Februari dan Julai 2025
		Pendidikan Moral DG9/10/12/13/14	1	Pengisian Julai 2025
		Ekonomi Asas DG9/10/12/13/14	1	Pengisian Julai 2025
		Bahasa Inggeris DG9/10/12/13/14	1	Pengisian September 2025
		Pendidikan Islam DG9/10/12/13/14	1	

1. Syarat Umum

- (i) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9/10/12/13/14 yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia.
- (ii) Mempunyai ikhtisas/ kelulusan dalam opsyen seperti di **Lampiran A**.
- (iii) Telah disahkan dalam perkhidmatan.
- (iv) Telah mengajar sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.
- (v) Tahap kesihatan yang baik dan memuaskan.
- (vi) Memperoleh sekurang-kurangnya 85% dalam penilaian prestasi bagi tigatahun terkini (2021-2023).
- (vii) Bebas daripada tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah.
- (viii) Permohonan mestilah disokong oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- (ix) Bersedia berkhidmat di jawatan kader **sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga (3) tahun**.
- (x) Mempunyai minat dan kewibawaan yang tinggi untuk berkhidmat di Kementerian/ Agensi luar dari KPM.

2. Kaedah Permohonan

- (i) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Masuk Jawatan Kader seperti di **Lampiran B**.
- (ii) Permohonan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- (iii) Borang permohonan hendaklah lengkap diisi beserta sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar dalam bentuk PDF melalui emel kepada atylia.anuar@moe.gov.my / norazura.ibrahim@moe.gov.my.
- (iv) Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan atau tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan tidak akan dipertimbangkan.

3. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan ini sila hubungi **Unit Guru, Cawangan Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia** di talian **03-8884 7792**.

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Mei 2024